

## **Persepsi Pelatih Kurang Upaya Akal Terhadap Masalah Pembelajaran Yang Dihadapi Semasa Mengikuti Latihan Kemahiran Vokasional Di Taman Sinar Harapan, Cheras**

Muhammad Rashid Bin Rajuddin & Fathiyah Bt Mohd Kamaruzaman

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia.

**Abstrak :** Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran yang dihadapi semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional di Taman Sinar Harapan, Cheras. Penyelidikan ini mempunyai lima objektif iaitu untuk mengenalpasti pandangan pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek penghargaan sendiri, kurikulum latihan kemahiran vokasional, kemudahan pembelajaran dan sokongan daripada masyarakat (ibu bapa, tenaga pengajar). Bagi objektif kelima, ianya adalah bertujuan untuk mengenalpasti pandangan pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran yang dihadapi semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional mengikut jantina. Instrumen digunakan dalam penyelidikan deskriptif ini adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian A mengandungi 4 item berkenaan latarbelakang pelatih. Bahagian B mengandungi 25 item berkenaan masalah pembelajaran yang dihadapi semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional di institusi ini. Item-item ini dibina berdasarkan soalan kajian. Keesahan soal selidik diperolehi melalui pengesahan daripada pakar dalam bidang ini. Data terkumpul diuji secara manual iaitu menggunakan Microsoft Word 2007 dan ianya dipersembahkan dalam bentuk jadual kekerapan dan peratusan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelatih kurang upaya akal tidak mempunyai masalah pembelajaran dari aspek kurikulum latihan kemahiran vokasional, kemudahan pembelajaran dan sokongan daripada masyarakat (ibu bapa, tenaga pengajar) dengan peratusan pada tahap tinggi iaitu sebanyak 75 peratus, 83 peratus dan 81.43 peratus. Para pelatih juga tidak mempunyai masalah pembelajaran bagi aspek penghargaan sendiri tetapi peratusannya berada pada tahap sederhana iaitu sebanyak 61.43 peratus.

*Katakunci :* pelatih kurang upaya akal, latihan kemahiran vokasional

### **Pengenalan**

Wawasan 2020 ialah satu wawasan yang diilhamkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang ke empat, yang bertujuan untuk meningkatkan Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian dan Negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Dalam penyampaian kertas kerjanya, Lualan ke Depan (*The Way Forward*), kepada Majlis Perniagaan Malaysia, Dr Mahathir Mohamad menghuraikan sembilan matlamat utama Wawasan 2020. Salah satu cabaran utama Wawasan 2020 ialah membentuk sebuah masyarakat yang bersifat sains serta progresif, berdaya cipta dan berpandangan jauh di hari muka, yakni sebuah masyarakat yang bukan sahaja dapat memanfaatkan teknologi kini tetapi menjadi penyumbang terhadap pembentukan peradaban sains dan teknologi pada masa hadapan. (Tun Dr. Mahathir Mohamad, 2000)

Dalam usaha mencapai matlamat Wawasan 2020, pihak kerajaan telah memberikan penekanan yang lebih kepada Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) untuk membangunkan sumber manusia. Pada umumnya, pendidikan vokasional merupakan suatu pendidikan yang bersifat latihan di mana ia diharapkan dapat melengkapkan diri seseorang individu sebelum keluar mencari pekerjaan. Yahya (1993) mentakrifkan pendidikan vokasional sebagai sebarang

bentuk pendidikan yang dirancang khas dengan tujuan utama untuk menyediakan manusia dalam bidang pekerjaan sosial yang berfaedah yang tidak memerlukan sekeping ijazah dan untuk membantu pekerja-pekerja mengemaskini pengetahuan dan kemahiran mereka supaya dapat meneruskan pekerjaan-pekerjaan yang tidak memerlukan kelayakan ijazah.

Walaubagaimanapun, sejak pengenalan pendidikan teknik dan vokasional, terdapat pelbagai spekulasi tentangnya. Pendidikan teknik dan vokasional dianggap sebagai satu latihan dan bukannya sebagai satu cabang dalam bidang pendidikan. Di negara-negara barat, pendidikan akademik dianggap lebih akademik berbanding dengan pendidikan teknik dan vokasional.

Berdasarkan pernyataan di atas, ianya menunjukkan kepentingan sumbangan PTV dalam memastikan kemajuan negara. Masyarakat tidak harus lagi membuat persepsi yang buruk terhadap PTV. Latihan kemahiran yang ditawarkan dalam PTV bukanlah menjadi pilihan kedua kepada pelajar yang kurang cemerlang dalam bidang akademik kerana latihan kemahiran tersebut membabitkan keterampilan dan perkhidmatan yang merupakan bahagian penting bagi memenuhi keperluan sumber tenaga manusia, lebih-lebih lagi dalam membangunkan ekonomi pengetahuan (*k-economy*).

Sebagai usaha untuk menerapkan kemahiran kepada golongan kurang upaya, pihak kerajaan telah menubuhkan jabatan-jabatan yang bertanggungjawab untuk menjaga kebajikan dan pendidikan mereka. Jabatan Pendidikan Khas merupakan salah satu jabatan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jabatan-jabatan ini bekerjasama dalam menyediakan kemudahan pembelajaran secara latihan kepada individu kurang upaya sehingga ke tahap sempurna mengikut kemampuan dan kebolehan masing-masing. Pendidikan teknik dan vokasional yang ditawarkan kepada golongan kurang upaya ini antaranya ialah ketukangan, kraftangan, pertanian, urusan rumah tangga dan masakan.

Dengan adanya pendidikan untuk semua golongan sama ada golongan normal mahupun kurang normal, pendidikan teknik dan vokasional diharapkan dapat memberikan pendidikan dan kemahiran yang diperlukan bagi golongan-golongan tersebut. Dengan penubuhan institusi-institusi pendidikan dan latihan yang semakin berkembang dengan pesat, ianya dapat membantu dalam memenuhi peningkatan permintaan terhadap tenaga manusia yang berpendidikan dan berkemahiran, seterusnya dapat menyumbang kepada peningkatan dan kemajuan ke arah mencapai Wawasan 2020.

### **Pernyataan Masalah**

Masalah pembelajaran yang dihadapi oleh golongan kurang upaya seharusnya diambil perhatian oleh semua pihak. Ini adalah penting dalam memastikan golongan ini tidak ketinggalan untuk melibatkan diri dalam menyumbangkan tenaga untuk kemajuan negara. Oleh itu, pengkaji ingin mengkaji :

Apakah persepsi pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran yang dihadapi semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional di Taman Sinar Harapan, Cheras?

### **Objektif kajian**

Objektif kajian ini adalah :

- i. Mengenalpasti pandangan pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek penghargaan sendiri yang dihadapi semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional.

- ii. Mengenalpasti pandangan pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek kurikulum latihan kemahiran vokasional yang dihadapi semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional.
- iii. Mengenalpasti pandangan pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek kemudahan pembelajaran yang dihadapi semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional.
- iv. Mengenalpasti pandangan pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek sokongan daripada masyarakat (ibu bapa, tenaga pengajar) yang dihadapi semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional.
- v. Mengenalpasti pandangan pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran yang dihadapi semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional berdasarkan jantina.

### **Kepentingan kajian**

Di akhir pelaksanaan kajian ini, pengkaji berharap dapat menyumbangkan sesuatu kepada pihak-pihak tertentu dalam memastikan pendidikan yang sempurna dapat disediakan dan diberikan kepada golongan kurang upaya akal. Di harap kajian ini dapat memberikan sedikit kebaikan atau keuntungan kepada pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Pihak-pihak yang dimaksudkan ialah :

**Pengurusan Taman Sinar Harapan, Cheras (TSH) :** Taman Sinar Harapan merupakan tempat kajian ini dijalankan, maka diharapkah pihak TSH dapat memberikan kerjasama yang sewajarnya. Diharapkan melalui kajian ini, pihak pengurusan TSH menggunakan dapatan kajian untuk membantu para pelatih kurang upaya akal menjalani latihan kemahiran vokasional dengan lebih berkesan.

**Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) :** Pihak JKMM dapat menggunakan maklumat dapatan kajian untuk membantu mempertingkatkan lagi usaha dalam membantu memberikan pendidikan kemahiran vokasional kepada golongan kurang upaya akal. Pendidikan ini bukan sahaja meliputi kurikulum sahaja tetapi juga pihak JKMM perlu menyediakan prasarana yang sewajarnya agar golongan ini dapat menjalani latihan kemahiran vokasional dengan sempurna.

**Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) :** KPM diharapkan dapat menggunakan maklumat dapatan kajian sebagai rujukan untuk membuat pemantauan terhadap sistem dan kurikulum pendidikan sedia ada dalam menghasilkan pendidikan yang sempurna dan setanding dengan golongan normal kepada golongan kurang upaya akal supaya matlamat Falsafah Pendidikan Negara dapat dicapai.

### **Skop kajian**

Kajian ini dijalankan hanya untuk mengkaji pandangan pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek penghargaan sendiri, kurikulum latihan kemahiran vokasional, kemudahan pembelajaran dan sokongan daripada masyarakat.

Populasi kajian hanyalah terbatas kepada seramai 20 orang kurang upaya akal yang sedang mengikuti latihan kemahiran vokasional di Taman Sinar Harapan, Cheras. Sampel atau tumpuan kajian merangkumi keseluruhan populasi iaitu seramai 20 orang.

Jumlah sampel mungkin berubah berdasarkan kepada penerangan yang diberikan oleh Penolong Pengetua di Taman Sinar Harapan, Cheras akan terdapat pelatih yang menamatkan pengajian mereka dan ada juga yang akan mendaftar.

## **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian yang dijalankan berbentuk deskriptif atau perihai. Menurut Ary dan rakan-rakan (1985), penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang berusaha menerangkan sesuatu kejadian/peristiwa yang berlaku pada masa sekarang. Penyelidikan deskriptif juga merupakan penyelidikan bertujuan untuk mendapatkan maklumat sesuatu peristiwa dengan maklum balas yang pantas.

Selain itu, kajian deskriptif bermatlamatkan untuk menerokai sesuatu bidang yang belum atau kurang dikaji. Justeru itu pengkaji mengharap reka bentuk kajian ini dapat memberikan satu gambaran yang jelas dan maklumat yang tepat bagi menjawab persoalan-persoalan kajian mengenai persepsi pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran yang dihadapi semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional. Kajian ini akan mengenalpasti apakah persepsi pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek penghargaan sendiri, kurikulum latihan kemahiran vokasional, kemudahan pembelajaran dan sokongan daripada masyarakat (ibu bapa, tenaga pengajar).

Pendekatan kajian adalah jenis kuantitatif. Penggunaan cara temubual berstruktur digunakan di mana responden ditanya melalui satu senarai soal selidik yang disediakan oleh pengkaji. Kaedah soal selidik ini dijalankan untuk mendapatkan maklum balas yang berkaitan dengan aspek-aspek persoalan kajian yang ditetapkan. Menurut Mohd Najib Abdul Ghafar (1999), soal selidik selalu digunakan untuk mengukur konsep berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan. Selain itu, kajian perpustakaan juga dilakukan bagi mengukuhkan fakta. Maklumat yang didapati melalui kajian ini membantu pengkaji untuk membina item.


Pengumpulan data sekunder yang sesuai amat diperlukan bagi mendapatkan maklumat tertentu dan sekaligus dapat menyokong kajian ini. Datadata ini diperoleh melalui kajian perpustakaan seperti di Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM dan Perpustakaan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Hasil daripada kajian ini, pengkaji dijangka mendapat maklumat untuk menjelaskan fenomena yang berlaku.

## **Kerangka operasi**

Apabila maklumat berkaitan latar belakang masalah lengkap berdasarkan kerangka teori, maka langkah seterusnya adalah proses pembinaan instrumen kajian. Instrumen kajian ditentukan berdasarkan jenis kajian dan responden yang terlibat dalam kajian. Bagi kajian ini, pembinaan instrumen yang dipilih adalah dengan menyediakan set soal selidik berdasarkan persoalan kajian. Melalui persoalan kajian, maka dibina item-item bagi menjawab persoalan kajian tersebut. Kajian ini akan dijalankan dengan mengedarkan borang soal selidik yang dijawab oleh 20 orang pelatih kurang upaya akal di Taman Sinar Harapan, Cheras. Dalam menjalankan kajian ini pengkaji telah:

- i. Memohon surat perakuan dan kebenaran daripada pihak pentadbir di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- ii. Memohon kebenaran daripada Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia untuk membuat kajian di Taman Sinar Harapan, Cheras.
- iii. Setelah mendapat kebenaran, pengkaji telah berbincang bersama Penolong Pengetua TSH, En Mohd Rosman mengenai tujuan kajian dan cara mendapatkan data kajian.
- iv. Pengkaji telah bertemu dengan responden dan memberikan penerangan kepada responden tentang tujuan kajian, kepentingan membaca dengan teliti item-item selain akan merahsiakan maklumat responden.

- v. Pengkaji membacakan soalan kepada responden berpandukan senarai soal selidik yang telah dibina dan responden diminta untuk menjawab dengan sejujurnya.



**Rajah 1 : Kerangka operasi**

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Walter dan Meredith (1989) menyatakan bahawa sampel adalah sumber untuk mendapatkan data dari kelompok individu/populasi yang diselidik. Sampel mewakili sesuatu populasi di dalam sebagai tinjauan. Tinjauan bertujuan adalah untuk membuat kesimpulan mengenai populasi berdasarkan maklumat yang terkandung dalam sampel.

Dalam kajian yang dijalankan ini, populasi sasarannya terdiri daripada semua pelatih kurang upaya akal di Taman Sinar Harapan, Cheras. Memandangkan populasi adalah seramai 20 orang sahaja maka sampel bagi kajian ini adalah sama dengan bilangan populasi iaitu seramai 20 orang.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Soal selidik selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan, selain daripada keterangan latar belakang. Persoalan yang ditanya melibatkan aspek afektif, bukan aspek kognitif atau aspek kecerdasan fizikal (Mohd. Najib Abdul Ghafar, 1999). Justeru dalam kajian ini, instrumen soal selidik dipilih kerana bersesuaian dengan objektif kajian yang melibatkan sikap efektif seperti mana yang telah ditetapkan dalam kajian ini. Selain itu, cara ini berupaya untuk mendapatkan maklumat secara mudah dan tepat daripada responden, sesuai dengan bilangan responden yang dipilih.

## Analisis Data

**Jadual 1 : Taburan Purata Keseluruhan Masalah Pembelajaran Pelatih OKU Akal**

	Soalan Kajian	Ya	Tidak
		%	%
1	Apakah persepsi pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek penghargaan sendiri semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional di Taman Sinar Harapan, Cheras?	61.43	38.57
2	Apakah persepsi pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek kurikulum latihan kemahiran vokasional semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional di Taman Sinar Harapan, Cheras?	75	25
3	Apakah persepsi pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek kemudahan pembelajaran semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional di Taman Sinar Harapan, Cheras?	83	17
4	Apakah persepsi pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek sokongan daripada masyarakat (ibu bapa, tenaga pengajar) semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional di Taman Sinar Harapan, Cheras?	81.43	18.57
	<b>Jumlah purata peratusan (%)</b>	<b>75.22</b>	<b>24.78</b>

Berdasarkan Jadual 1, persoalan kajian yang pertama adalah mengenai persepsi orang kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek penghargaan sendiri. Peratusan mencatatkan sebanyak 61.43 peratus daripada responden menyatakan bahawa aspek penghargaan sendiri tidak menjadi masalah terhadap pembelajaran mereka. 24.78 peratus responden selebihnya menyatakan bahawa aspek penghargaan sendiri menyumbang kepada masalah pembelajaran mereka.

Bagi persoalan kajian yang kedua, peratusan responden yang menyatakan bahawa kurikulum latihan kemahiran vokasional tidak mempengaruhi masalah pembelajaran mereka adalah sebanyak 75 peratus. Manakala 25 peratus selebihnya bersetuju terhadap aspek ini. Mereka berpendapat bahawa mereka mempunyai masalah terhadap kurikulum latihan kemahiran vokasional yang disediakan.

Persoalan kajian yang ketiga yang menyatakan tentang persepsi pelatih OKU akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek kemudahan pembelajaran menunjukkan peratusan yang tertinggi di mana kebanyakan responden tidak mempunyai masalah pembelajaran dari aspek kemudahan pembelajaran dengan 83 peratus dicatatkan. Terdapat 17 peratus responden sahaja yang mempunyai masalah pembelajaran dari aspek kemudahan pembelajaran yang disediakan.

Terdapat sebanyak 81.43 peratus responden yang tidak bersetuju dengan persoalan kajian yang keempat iaitu mengenai persepsi pelatih OKU akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek sokongan dari masyarakat (ibu bapa, tenaga pengajar). Hanya 18.57 peratus daripada responden kajian ini yang mempunyai masalah dalam mendapatkan sokongan daripada masyarakat dalam pembelajaran mereka.

Secara puratanya, hasil dapatan menunjukkan bahawa responden yang diwakili oleh pelatih OKU akal dari TSH iaitu sebanyak 75.22 peratus berpendapat yang mereka tidak mempunyai masalah pembelajaran dari aspek penghargaan sendiri, kurikulum latihan kemahiran vokasional, kemudahan pembelajaran dan sokongan daripada masyarakat. Hanya 24.78 peratus daripada responden kajian yang mempunyai masalah pembelajaran dari aspek penghargaan sendiri, kurikulum latihan kemahiran vokasional, kemudahan pembelajaran dan sokongan daripada masyarakat.

## **Perbincangan**

Persoalan kajian yang pertama adalah “Apakah persepsi pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek penghargaan sendiri yang dihadapi semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional di Taman Sinar Harapan, Cheras?”. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelatih kurang upaya akal berpendapat bahawa mereka tidak mempunyai masalah pembelajaran dari aspek penghargaan sendiri semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional dengan peratusan di tahap sederhana iaitu sebanyak 61.43 peratus.

Berdasarkan daripada analisis di atas, pelatih OKU akal mempunyai penghargaan sendiri yang positif semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional. Dengan penghargaan sendiri yang baik ini, pelatih OKU akal dapat menjalani dan mempelajari kemahiran yang diajar dengan mudah, selesa dan berkesan. Ini selari dengan Cohen (1959) yang mengatakan bahawa sekiranya seseorang itu bersifat menghargai diri sendiri, bercita-cita tinggi dan berkebolehan dalam sesuatu bidang maka seseorang itu mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi dan sebaliknya. Tambahan lagi, pernyataan ini juga disokong oleh Coopersmith (1967) yang melaporkan bahawa orang mudah melaksanakan tugas yang diberikan dan orang yang mempunyai jangkauan yang mereka akan berjaya adalah merupakan sifat individu yang mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi.

Persoalan kajian yang kedua adalah “Apakah persepsi pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek kurikulum latihan kemahiran vokasional yang dihadapi semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional di Taman Sinar Harapan, Cheras?”. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelatih kurang upaya akal berpendapat bahawa mereka tidak mempunyai masalah pembelajaran dari aspek kurikulum latihan kemahiran vokasional semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional dengan peratusan di tahap tinggi iaitu sebanyak 75 peratus.

Berdasarkan Abdul Rahim Hamdan (2007), pemilihan kandungan kurikulum perlu mempunyai sembilan kriteria iaitu kriteria kegunaan, criteria kesewarjagatan, kriteria pulangan maksimum, kriteria kekurangan, criteria kesusahan, kriteria membantu hidup, kriteria kesesuaian, kriteria kualiti dan kriteria minat. Dengan ini, bagi kurikulum latihan kemahiran vokasional, ianya perlu dibina sesuai dengan kemampuan pelatih OKU akal agar setiap pelatih ini dapat memahami dan mengikuti latihan kemahiran vokasional dengan mudah dan berkesan. Ini dapat dibuktikan dengan pendapat pelatih OKU akal yang menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai masalah pembelajaran dalam aspek ini.

Persoalan kajian yang ketiga ialah “Apakah persepsi pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek kemudahan pembelajaran yang dihadapi semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional di Taman Sinar Harapan, Cheras?”. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelatih kurang upaya akal berpendapat bahawa mereka tidak mempunyai masalah pembelajaran dari aspek kemudahan pembelajaran semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional dengan peratusan di tahap tinggi iaitu sebanyak 83 peratus.

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa walaupun majoriti daripada pelatih kurang upaya akal berpendapat bahawa mereka tidak mempunyai masalah pembelajaran dari aspek kemudahan pembelajaran, namun masih terdapat 17 peratus daripada mereka mempunyai masalah pembelajaran dari aspek ini. Ini adalah selari dengan kenyataan dari Zainida Ariffin (2006) yang menyatakan bahawa masalah yang paling ketara yang membezakan antara negara Malaysia dengan negara lain adalah kemudahan dalam bidang latihan bagi OKU di Negara maju jauh lebih baik berbanding negara kita.

Fenomena ini tidak sepatutnya berlaku kepada negara yang sedang membangun seperti di negara kita. Ini adalah kerana setiap golongan terutamanya golongan OKU berhak mendapat kemudahan pembelajaran yang sama seperti orang normal. Ini bertepatan dengan kenyataan Dr Noraini Md Salleh yang berpendapat bahawa golongan kurang upaya turut berhak mendapatkan kemudahan dan kelengkapan yang sesuai dengan keperluan mereka supaya sesi pembelajaran dapat berjalan dengan lancar.

Persoalan kajian yang keempat ialah “Apakah persepsi pelatih kurang upaya akal terhadap masalah pembelajaran dari aspek sokongan daripada masyarakat (ibubapa, tenaga pengajar) yang dihadapi semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional di Taman Sinar Harapan, Cheras?”. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelatih kurang upaya akal berpendapat bahawa mereka tidak mempunyai masalah pembelajaran dari aspek sokongan daripada masyarakat (ibubapa, tenaga pengajar) semasa mengikuti latihan kemahiran vokasional dengan peratusan di tahap tinggi iaitu sebanyak 81.43 peratus.

Ini adalah selari dengan Rogers (1951), setiap individu mempunyai keperluan untuk mengalami rasa kemesraan, dihormati, dihargai, kasih sayang dari ‘*significant people*’ dalam hidup mereka. Dengan itu, sokongan daripada masyarakat seperti ibu bapa dan tenaga pengajar adalah amat penting dalam membantu golongan kurang upaya untuk belajar demi masa depan mereka. Sokongan daripada masyarakat bukanlah hanya dari bentuk kebendaan tetapi juga dari segi emosi, fizikal dan sebagainya.

Dr Abdul Monir (1996) mengatakan dalam sesebuah masyarakat, hubungan yang baik sesama manusia perlu diamalkan seperti sikap bertimbang rasa, bertoleransi, bermaaf-maafan, bertanggungjawab dan seumpamanya. Islam menyarankan terutama kepada masyarakat Islam itu sendiri supaya bersatu padu dan tolong menolong di antara satu sama lain. Dengan itu, daripada analisis yang dijalankan, majoriti pelatih kurang upaya akal berpendapat bahawa mereka tidak mempunyai masalah dalam mendapatkan sokongan daripada masyarakat.

## **Rujukan**

- Abdul Rahim bin Hamdan (2007). *Pengajian Kurikulum*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia. Hlm : 61.
- Ary Donald, Jacobs, L.C. and Razavieh Asghar (1985). *Introduction to Research in Education*. New York : CBS College Publishing.
- Barr A.S. (1961). *The Nature of the Problem*. Winconsin Studies of the Measurement and Prediction of Teacher Effectiveness : A Summary of Investigations, Madison, Winconsin : Dember Publication, Inc.
- Branden, N. (1985). *Honouring The Self : The Psychology of Confidence and Respect*. Los Angeles : Bantam. 110.
- Coots, J.J. (1998). *Family Resources and Parent Participitation in Schooling Activities for Their Children with Developmental Delays*. Journal of Special Education. 31(4). 498-521.



- Datuk Raymond Tan Shu Kiah (2000). *Forum: Memenuhi Keperluan Khas Orang-orang Kurang Upaya Intelek Dialaf Baru*. Retrieved from <http://www.sabah.org.my/ybdr/ucapan-htm>
- Dr Abdul Monir bin Yaacob (1996). *Islam Suatu Cara Hidup*. Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- John, W. Bert and James, V.Kahn (1989). *Research in Education*. New Jersey : Prentice Hall.
- Kajian Kumpulan Penyelidik (1964). *Learning, Principles*, Madison, Winconsin State Department of Instruction.
- Koh Boh Boon (1976). *Pengajaran Pemulihan dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur : Utusan Publish. 7-8.
- Lee Shok Mee (1997). *Psikologi Pendidikan I : Teori dan Aplikasi Psikologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Murphy, S.A. (1982). *Parents' Beliefs About Children's Cognitive Development*. Child Development, 59, 259-85.
- Musgrove, F. (1969). *The Family Education and Society*. London : Routledge and Kegan Amil.
- Olivia P. F. (1981). *Developing the Curriculum*. Glenview, Illionois, Boston, London: Scott, Foresman and Company.
- Rohany Nasir (2003). *Kaunseling dan Kerjaya*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Saidi Said (2002). *Persepsi Pelajar Perempuan Tingkatan 4 Aliran Vokasional Terhadap Latihan Amali Kerja Bata di Sekolah Menengah Teknik di Negeri Pahang*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.
- Utusan Malaysia (2001). *Hak Orang Kurang Upaya*. Dlm. Utusan Malaysia, 23 Disember 2001. Kuala Lumpur: Utusan Malaysia.
- Walter R.Borg and Meredith, D.G. (1989). *Education Research*. New York & London : Longman.